

**D.R. 14/94**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994. Tajuk ringkas.
2. Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (4) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan". Pindaan Perkara 4.
3. Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (1) dan (2) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dan "Agung" masing-masingnya dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan" dan "Persekutuan". Pindaan Perkara 37.
4. Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal (1) Fasal yang berikut:  
"(1A) Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau undang-undang persekutuan, jika Yang di-Pertuan Agong dikehendaki bertindak mengikut nasihat, atas nasihat,

atau selepas menimbangkan nasihat, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu."

- Pindaan  
Perkara 43A. 5. Perkara 43A Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (3) dengan menggantikan perkataan "Fasal (5), (6) dan (8)" dengan perkataan "Fasal (5) dan (6)".
- Pindaan  
Perkara 55 6. Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memotong Fasal (6).
- Pindaan  
Perkara 65. 7. Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (3) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan".
- Pindaan  
Perkara 66. 8. Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—  
(a) dengan menggantikan Fasal (4) dan (4A) dengan Fasal yang berikut:  
"(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada baginda memperkenankan Rang Undang-Undang itu dengan menyebabkan Rang Undang-Undang itu dicapkan dengan Mohor Besar.  
(4A) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam Fasal (4), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah baginda telah memperkenankannya.";  
(b) dengan memotong Fasal (4B); dan  
(c) dalam Fasal (5), dengan menggantikan perkataan "Fasal (4B)" dengan perkataan "Fasal (4A)".
- Pindaan  
Perkara 80. 9. Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (6) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan".

**10.** Perkara 87 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 87

(a) dalam Fasal (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dalam perenggan (a) dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi" dalam perenggan (a) dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi"; dan

(b) dalam Fasal (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan".

**11.** Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (3) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan". Pindaan  
Perkara 105

**12.** Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (3) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan". Pindaan  
Perkara 114.

**13.** Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 121.

(a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan "Borneo" dalam perenggan (b) dengan perkataan "Sabah dan Sarawak";

(b) dengan memasukkan selepas Fasal (1A) Fasal yang berikut:

"(1B) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang hendaklah dinamakan Mahkamah Rayuan dan yang mempunyai pejabat pendaftarannya yang utama di Kuala Lumpur, dan Mahkamah Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa yang berikut, iaitu—

(a) bidang kuasa untuk memutuskan rayuan terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi atau seseorang hakimnya (kecuali

keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi yang diberikan oleh pendaftar atau pegawai lain Mahkamah itu dan yang boleh dirayu kepada seorang hakim Mahkamah itu di bawah undang-undang persekutuan); dan

(b) apa-apa bidang kuasa lain sebagaimana yang diberikan melalui atau di bawah undang-undang persekutuan.";

(c) dalam Fasal (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) bidang kuasa untuk memutuskan rayuan terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau seseorang hakimnya;" dan

(d) dalam Fasal (4), dengan menggantikan perkataan "Borneo" dan "Hakim Besar" masing-masingnya dengan perkataan "Sabah dan Sarawak" dan "Ketua Hakim".

Pindaan  
Perkara 122.

**14.** Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";

(b) dalam Fasal (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung"), Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi" dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan"), Presiden Mahkamah Rayuan, Ketua-Ketua Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi";

(c) dalam Fasal (1A)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(d) dalam Fasal (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Tinggi selain daripada Hakim Besar" dengan perkataan "Mahkamah Rayuan selain daripada Presiden Mahkamah Rayuan";
- (ii) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Hakim Besar".

**15.** Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan Perkara 122A dengan Perkara yang berikut:

Pindaan  
Perkara  
122A.

“Keanggotaan Mahkamah Rayuan. 122A. (1) Mahkamah Rayuan hendaklah terdiri daripada seorang pengerusi (yang digelar "Presiden Mahkamah Rayuan") dan, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, sepuluh hakim lain.

(2) Seseorang hakim Mahkamah Tinggi boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Rayuan jika Presiden Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa kepentingan keadilan menghendaki yang sedemikian, dan hakim itu hendaklah dinamakan bagi maksud itu (mengikut kehendak keadaan) oleh Presiden Mahkamah Rayuan selepas berunding dengan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi itu.”.

Perkara baru  
122AA dan  
122AB.

**16.** Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan memasukkan selepas Perkara 122A Perkara yang berikut:

“Keanggo-  
taan  
Mahkamah  
Tinggi. 122AA. (1) Setiap Mahkamah Tinggi hendaklah terdiri daripada seorang Ketua Hakim dan tidak kurang daripada empat orang hakim yang lain; tetapi bilangan hakim yang lain itu tidaklah boleh, sehingga diperuntukkan selainnya melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong, melebihi—

(a) empat puluh tujuh, di Mahkamah Tinggi di Malaya; dan

(b) sepuluh, di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

(2) Mana-mana orang yang layak dilantik sebagai seorang hakim Mahkamah Tinggi boleh bersidang sebagai hakim Mahkamah itu jika ditetapkan bagi maksud itu (mengikut kehendak keadaan) mengikut Perkara 122B.

122AB. (1) Untuk menyegerakan urusan Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, boleh melalui perintah melantik mana-mana orang yang layak dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi untuk menjadi pesuruhjaya kehakiman bagi apa-apa tempoh atau apa-apa maksud sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan apa-apa fungsi hakim Mahkamah Tinggi yang ternyata kepadanya dikehendaki supaya dilaksanakan; dan apa-apa jua yang dilakukan olehnya apabila bertindak mengikut perlantikannya hendaklah mempunyai keesahan dan kesan yang sama seolah-olah dilakukan oleh seorang hakim Mahkamah itu, dan berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan itu dia adalah mempunyai kuasa-kuasa

yang sama dan menikmati kekebalan-kekebalan yang sama seolah-olah dia adalah seorang hakim Mahkamah itu,

(2) Peruntukan-peruntukan Fasal (2) dan (5) Perkara 124 hendaklah terpakai bagi seseorang pesuruhjaya kehakiman sebagaimana peruntukan-peruntukan itu terpakai bagi hakim Mahkamah Tinggi."

17. Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 122B.

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung dan" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan";

(b) dengan menggantikan Fasal (1) dengan Fasal yang berikut:

"(1) Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua-Ketua Hakim Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122c) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.";

(c) dalam Fasal (2), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara" dan "Agung" di mana-mana jua terdapat masing-masingnya dengan perkataan "Hakim Besar" dan "Persekutuan";

(d) dalam Fasal (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Ketua Hakim"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Borneo" dengan perkataan "Sabah dan Sarawak";

(e) dengan menggantikan Fasal (4) dengan Fasal yang berikut:

"(4) Sebelum memberi nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang perlantikan seseorang hakim selain daripada Hakim Besar, Presiden atau seseorang Ketua Hakim, Perdana Menteri hendaklah berunding, jika perlantikan itu bagi Mahkamah Persekutuan, dengan Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, jika perlantikan itu bagi Mahkamah Rayuan, dengan Presiden Mahkamah Rayuan dan, jika perlantikan itu bagi mana-mana satu Mahkamah Tinggi, dengan Ketua Hakim Mahkamah itu.";

(f) dalam Fasal (5)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Perkara 122A(2)" dengan perkataan "Perkara 122AA(2)"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim"; dan

(g) dalam Fasal (6)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara" dengan perkataan "Ketua Hakim".

Pindaan  
Perkara 122c.

**18.** Perkara 122c Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar", "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dan "Hakim-Hakim Besar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Ketua Hakim", "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan" dan "Ketua-Ketua Hakim".

**19.** Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pmdaan  
Perkara 123.

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung dan" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, sebagai hakim Mahkamah Rayuan".

**20.** Perkara 124 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 124.

- (a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan";
- (b) dengan menggantikan Fasal (2) dengan Fasal yang berikut:
  - "(2) Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, selain daripada Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, sebelum menjalankan fungsi-fungsi seorang hakim hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan taat setia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam berhubung dengan kewajipan-kewajipan kehakimannya dalam apa-apa jua jawatan.";
- (c) dalam Fasal (3)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim"; dan
  - (ii) dengan memotong perkataan ", melainkan jika orang itu mengangkat sumpah itu mengikut Fasal (4) sebagai hakim Mahkamah Agung";
- (d) dalam Fasal (4), dengan menggantikan perkataan "Agung" dan "Ketua Hakim Negara" di mana-mana jua terdapat masing-masingnya dengan perkataan "Persekutuan" dan "Hakim Besar"; dan

- (e) dalam Fasal (5)—
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "hakim" perkataan "Mahkamah Rayuan atau"; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Ketua Hakim".

Pindaan  
Perkara 125.

**21.** Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

- (a) dalam Fasal (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";
- (b) dalam Fasal (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Ncgara" dan "Agung" masing-masingnya dengan perkataan "Hakim Besar" dan "Persekutuan"; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan "berperangai buruk atau" dengan perkataan "apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3A) atau atas alasan";
- (c) dengan memasukkan selepas Fasal (3) Fasal yang berikut:
- "(3A) Yang di-Pertuan Agong atas syor Hakim Besar, Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi, boleh, selepas berunding dengan Perdana Menteri, menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang hendaklah dipatuhi oleh tiap-tiap hakim Mahkamah Persekutuan.";
- (d) dalam Fasal (4)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan"; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, Hakim-Hakim Besar" dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, Presiden dan Ketua-Ketua Hakim";
- (e) dalam Fasal (5), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara" dan "Agung" masing-masingnya dengan perkataan "Hakim Besar" dan "Persekutuan";
- (f) dalam Fasal (6), (6A), (7) dan (8), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";
- (g) dengan menggantikan Fasal (9) dengan Fasal yang berikut:
  - "(9) Perkara ini hendaklah terpakat bagi seseorang hakim Mahkamah Rayuan dan bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana ia terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan, kecuali bahawa sebelum menggantung jawatan seseorang hakim Mahkamah Rayuan atau hakim Mahkamah Tinggi selain daripada Presiden Mahkamah Rayuan atau Ketua Hakim Mahkamah Tinggi di bawah Fasal (5), Yang di-Pertuan Agong hendaklah berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan atau Ketua Hakim Mahkamah Tinggi itu dan bukannya Hakim Besar Mahkamah Persekutuan."; dan
- (h) dengan memasukkan selepas Fasal (9) Fasal yang berikut:
  - "(10) Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua-Ketua Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah bertanggungjawab kepada Hakim Besar Mahkamah Persekutuan.".

22. Perkara 125A Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

Pindaan  
Perkara 125A.

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:
  - "Penjalanan kuasa oleh hakim-hakim."; dan

(b) dalam Fasal (1)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) Hakim Besar Mahkamah Persekutuan dan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa hakim Mahkamah Rayuan dan hakim Mahkamah Tinggi;"

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

"(aa) Presiden Mahkamah Rayuan dan seseorang hakim Mahkamah Rayuan boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa hakim Mahkamah Tinggi; dan"

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "Borneo" dengan perkataan "Sabah dan Sarawak".

Pindaan  
Perkara 126.

23. Perkara 126 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Kuasa menghukum kerana penghinaan.";  
dan

(b) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".

Pindaan  
Perkara 127.

24. Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".

Pindaan  
Perkara 128.

25. Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

(a) dalam Fasal (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan "Agung" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(b) dengan menggantikan Fasal (3) dengan Fasal yang berikut:

"(3) Bidang kuasa Mahkamah Persekutuan bagi memutuskan rayuan-rayuan dari Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau seseorang Hakim Mahkamah itu hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan melalui undang-undang Persekutuan."

26. Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Agung" dalam nota birai dan di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Persekutuan". Pindaan  
Perkara 130.

27. Perkara 131A Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 131A.

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar" dengan perkataan "Hakim Besar, Presiden atau Ketua Hakim";

(b) dalam Fasal (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan atau Presiden Mahkamah Rayuan atau Ketua Hakim Mahkamah Tinggi"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "lain" dan "Agung" masing-masingnya dengan perkataan "seorang" dan "Persekutuan"; dan

(c) dalam Fasal (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Presiden Mahkamah Rayuan atau Ketua Hakim";

(ii) dengan menggantikan perkataan "mahkamah itu" dengan perkataan "Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, mengikut mana-mana yang berkenaan"; dan

- (iii) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan".

Pindaan  
Perkara 132.

28. Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda—

- (a) dalam Fasal (1), dengan memotong perenggan (e);
- (b) dalam Fasal (2A), dengan memotong abjad dan tanda baca "(e),"; dan
- (c) dalam Fasal (3), dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dalam perenggan (c) dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".

Pindaan  
Perkara 134.

29. Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan Perkara 134 dengan Perkara yang berikut:

“Pemin-  
jaman  
pegawai-  
pegawai.”

134. (1) Persekutuan boleh, atas permintaan sesuatu Negeri, pihak berkuasa tempatan, atau pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia, meminjamkan mana-mana anggota perkhidmatan awamnya kepada perkhidmatan Negeri itu, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan sesuatu Negeri boleh, atas permintaan Persekutuan, suatu Negeri lain, suatu pihak berkuasa tempatan atau suatu pihak berkuasa berkanun atau mana-mana organisasi, di dalam atau di luar Malaysia, meminjamkan mana-mana anggota perkhidmatan awamnya sendiri kepada perkhidmatan Persekutuan, Negeri lain, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang yang dipinjamkan di bawah Perkara ini hendaklah tetap menjadi anggota perkhidmatan yang dianggotainya, tetapi saraannya hendaklah dibayar oleh Persekutuan, Negeri, pihak berkuasa atau organisasi, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang kepada perkhidmatannya dia dipinjamkan.”

- 30.** Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (2)— Pindaan  
Perkara 138.
- (a) dengan menggantikan perkataan "Ketua **Hakim** Negara Mahkamah Agung" dalam perenggan (c) dengan perkataan "Hakim **Besar** Mahkamah Persekutuan"; dan
  - (b) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dalam perenggan (c) dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".
- 31.** Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Pasal (1) dengan menggantikan perkataan "perenggan (c), (e) dan (f)" dengan perkataan "perenggan (c) dan (f)". Pindaan  
Perkara 139.
- 32.** Perkara 142 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 142.
- (a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan "tidaklah boleh dilantik menjadi" dengan perkataan "tidaklah boleh menjadi atau dilantik menjadi"; dan
  - (b) dalam Fasal (6), dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".
- 33.** Perkara 143 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (1) dengan menggantikan perkataan "Agung" dalam perenggan (c) dengan perkataan "Persekutuan". Pindaan  
Perkara 143.
- 34.** Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (1) dan (6) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan". Pindaan  
Perkara 145.
- 35.** Perkara 148 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (2) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan". Pindaan  
Perkara 148.
- 36.** Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (2) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" pada kali pertama ianya terdapat dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan", Pindaan  
Perkara 151.

- Pindaan  
Perkara 152. 37. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (4) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".
- Pindaan  
Perkara 160. 38. Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (2)—
- (a) dalam takrif "Jawatan berpendapatan", dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dalam perenggan (a) dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan"; dan
  - (b) dalam takrif "Pihak berkuasa awam", dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".
- Pindaan  
Perkara 161. 39. Perkara 161 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam perenggan (b) Fasal (2), Fasal (3) dan (4)—
- (a) dengan menggantikan perkataan "Borneo" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Sabah dan Sarawak"; dan
  - (b) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan".
- Pindaan  
Perkara 161B. 40. Perkara 161B Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (2)—
- (a) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan"; dan
  - (b) dengan menggantikan perkataan "Borneo" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Sabah dan Sarawak".
- Pindaan  
Perkara 161E. 41. Perkara 161E Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Fasal (2) dengan menggantikan perkataan "Borneo" dalam perenggan (b) dengan perkataan "Sabah dan Sarawak".

**42.** Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Perkara 182.

- (a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung", "Hakim-Hakim Besar" dan "Agung" masing-masingnya dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Persekutuan", "Ketua-Ketua Hakim" dan "Persekutuan";
- (b) dalam Fasal (4) dan (5), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan
- (c) dalam Fasal (7), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara" dengan perkataan "Hakim Besar".

**43.** Jadual Keenam kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda, dalam peringatan bagi perenggan 1— Pindaan  
Jadual  
Keenam.

- (a) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung, selain daripada Ketua Hakim Negara, atau seseorang Hakim Mahkamah Tinggi" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, selain daripada Hakim Besar, seseorang hakim Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi, atau seseorang pesuruhjaya kehakiman"; dan
- (b) dengan memotong perkataan "atau mana-mana jawatan lain".

**44.** Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda— Pindaan  
Jadual  
Kelapan.

- (a) dalam seksyen 1, dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut;

"(1A) Pada menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai anggota Majlis Raja-Raja, jika Raja dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat, maka Raja hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.";

(b) dalam seksyen 11—

(i) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Raja hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada baginda memperkenankan Rang Undang-Undang itu.

(2B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Raja dalam masa yang ditentukan dalam subseksyen (2A), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam subseksyen itu mengikut cara yang sama seolah-olah baginda telah memperkenankannya."; dan

(ii) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Raja," dengan perkataan "Raja atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2B)"; dan

(c) dalam seksyen 19D, dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dalam perenggan (1) dengan perkataan "Ketua Hakim".

Pindaan  
Jadual  
Kesembilan

**45.** Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dalam Senarai Persekutuan (Senarai 1) dengan memasukkan selepas butiran 25 butiran yang berikut:

"25A. Pelancongan."

Sebutan Am.

**46.** Apabila Akta ini mula berkuatkuasa, segala sebutan dalam dan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain mengenai—

(a) Mahkamah Agung hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Mahkamah Persekutuan;

## PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

- (b) Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Hakim Besar Mahkamah Persekutuan;
- (c) Hakim Besar Mahkamah Tinggi hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Ketua Hakim Mahkamah Tinggi; dan
- (d) Mahkamah Tinggi di Borneo hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perlembagaan Persekutuan ("Perlembagaan"), terutamanya untuk membolehkan Mahkamah Rayuan ditubuhkan dan untuk menggantikan sebutan kepada Mahkamah Agung, Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi Borneo masing-masingnya sebagai sebutan kepada Mahkamah Persekutuan, Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, Ketua Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

2. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan Fasal baru (1A) ke dalam Perkara 40 Perlembagaan. Di bawah Fasal baru itu, jika Yang di-Pertuan Agong dikehendaki oleh Perlembagaan atau undang-undang Persekutuan supaya bertindak mengikut nasihat, atas nasihat atau selepas menimbang nasihat, baginda hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

3. *Fasal 8* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perkara 66 Perlembagaan untuk menggantikan peruntukan Fasal (4) dan (4A). Peruntukan Fasal (4) dan (4A) yang sedia ada menetapkan suatu prosedur yang menurutnya Yang di-Pertuan Agong, selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada baginda untuk perkenan baginda, boleh, dalam masa tiga puluh hari, mengembalikan Rang Undang-Undang itu kepada Majlis Parlimen di mana Rang Undang-Undang itu bermula supaya Rang Undang-Undang itu ditimbang semula oleh kedua-dua Majlis Parlimen dan kemudiannya dikemukakan semula kepada Yang di-Pertuan Agong. Fasal (4) dan (4A) yang menjadi ganti itu sebaliknya memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada baginda, memperkenankan Rang Undang-Undang itu. Jika baginda tidak berbuat demikian, Rang Undang-Undang itu akan menjadi undang-undang apabila habis tempoh itu seolah-olah baginda telah memperkenankannya.

4. *Fasal 13* Rang Undang-Undang ini memasukkan Fasal baru (1B) ke dalam Perkara 121 Perlembagaan. Fasal baru ini mengandungi peruntukan berhubung dengan penubuhan Mahkamah Rayuan.

5. *Fasal 15* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan suatu Perkara baru mengenai keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Rayuan. Untuk membolehkan Perkara ini dimasukkan di tempat yang paling sesuai dalam Perlembagaan, adalah dicadangkan supaya Perkara 122A yang sedia ada digubal semula supaya Perkara yang baru ini menjadi Perkara 122A sementara peruntukan yang berhubung dengan keanggotaan Mahkamah Tinggi dalam Perkara 122A yang sedia ada menjadi Perkara 122AA. Adalah juga dicadangkan supaya peruntukan berhubung dengan pesuruhjaya kehakiman diletakkan dalam suatu Perkara yang berasingan, iaitu, Perkara 122AB, supaya senang dirujuk dan mudah dipinda pada masa hadapan, sekiranya pindaan sedemikian menjadi perlu. Suatu Fasal baru (2) juga dimasukkan ke dalam Perkara 122AB yang dicadangkan itu untuk menghendaki pesuruhjaya kehakiman mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan taat setia sebelum menjalankan fungsi-fungsi kehakimannya. Pada masa ini, di bawah Perkara 124, kehendak itu terpakai hanya bagi hakim. *Fasal 16* mengandungi Perkara baru 122AA dan 122AB itu.

6. *Fasal 21* Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan Fasal baru (3A) dan (10) ke dalam Perkara 125.

Di bawah Fasal baru (3A) Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk menetapkan kod etika yang hendaklah dipatuhi oleh hakim-hakim. Apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan kod itu akan, mengikut pindaan yang dicadangkan kepada Fasal (3), menjadi alasan bagi memecat seseorang hakim daripada jawatan.

Di bawah Fasal baru (10), Presiden Mahkamah Rayuan dan Ketua-Ketua Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi dijadikan bertanggungjawab kepada Hakim Besar.

7. *Fasal 28* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perkara 132 Perlembagaan untuk mengeluarkan perkhidmatan keretapi daripada senarai perkhidmatan awam kerana perkhidmatan keretapi itu tidak lagi wujud.

8. *Fasal 29* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Perkara 134 Perlembagaan untuk meluaskan skop Perkara itu untuk meliputi peminjaman pegawai-pegawai kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun atau kepada sesuatu organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

9. *Fasal 44* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Jadual Kelapan kepada Perlembagaan untuk memasukkan peruntukan yang serupa seperti pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 40 dan 66.

## PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

10. *Fasal 45* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan untuk memasukkan "pelancongan" secara khusus sebagai satu daripada butiran dalam Senarai Persekutuan.

11. *Fasal 46* Rang Undang-Undang ini memperuntukkan bahawa dengan berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, segala sebutan dalam atau di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis mengenai Mahkamah Agung hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Mahkamah Persekutuan, sebutan mengenai Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Hakim Besar Mahkamah Persekutuan, sebutan mengenai Hakim Besar Mahkamah Tinggi hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Ketua Hakim Mahkamah Tinggi dan sebutan mengenai Mahkamah Tinggi di Borneo hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

12. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan yang kecil atau yang berbangkit.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN.(U-) 1813.]



DR 14/94

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1994

Pindaan kepada teks bahasa kebangsaan Rang Undang-Undang  
yang akan dicadangkan dalam Jawatankuasa  
oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri

1. Fasal 3 Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".
2. Fasal 9 Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".
3. Fasal 10 Rang Undang-Undang adalah dipinda, dalam perenggan (a)(i), dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".
4. Fasal 13 Rang Undang-Undang adalah dipinda, dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan 'dan "Hakim Besar" masing-masingnya' dan perkataan 'dan "Ketua Hakim"

5. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 14 dengan fasal yang berikut:

'Pindaan  
Perkara 122.

14. Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan  
adalah dipinda -

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";

(b) dalam Fasal (1) -

(i) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" , " dengan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan" ) , Presiden MahkamahRayuan,";

(c) dalam Fasal (1A) -

(i) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan

perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah persekutuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(d) dalam Fasal (2) -

(i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Tinggi selain daripada Hakim Besar" dengan perkataan "Mahkamah Rayuan selain daripada Presiden Mahkamah Rayuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan".

6. Fasal 15 Rang Undang-Undang adalah dipinda dalam Fasal (2) Perkara 122A yang dicadangkan dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim" dengan perkataan "Hakim Besar".

7. Fasal 16 Rang Undang-Undang adalah dipinda -

(a) dalam Fasal (1) Perkara 122AA yang dicadangkan dengan

menggantikan perkataan "Ketua Hakim" dengan perkataan "Hakim Besar"; dan

- (b) dalam Fasal (1) Perkara 122AB yang dicadangkan dengan menggantilan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".

8. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 17 dengan fasal yang berikut:

Pindaan  
Perkara 122B.

17. Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan  
adalah dipinda -

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung dan" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan";
- (b) dengan menggantikan Fasal (1) dengan Fasal yang berikut:

" (1) Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan, Presiden  
Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim  
Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk

kepada Perkara 122C) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.";

- (c) dalam Fasal (2), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";
- (d) dalam Fasal (3), dengan menggantikan perkataan "Borneo" dengan perkataan "Sabah dan Sarawak";
- (e) dengan menggantikan Fasal (4) dengan Fasal yang berikut:

"(4) Sebelum memberi nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang perantikan seseorang hakim selain daripada Ketua Hakim Negara, Presiden atau seseorang Hakim Besar. Perdana Menteri hendaklah berunding,

dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan jika perlantikan itu bagi Mahkamah Persekutuan, dengan Presiden Mahkamah Rayuan jika perlantikan itu bagi Mahkamah Rayuan dan, jika perlantikan itu bagi mana-mana satu Mahkamah Tinggi, dengan Hakim Besar Mahkamah itu;

(f) dalam Fasal (5), dengan menggantikan perkataan "Perkara 122A(2)" dengan perkataan "Perkara 122AA(2)"; dan

(g) dalam Fasal (6), dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan".

9. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 18 dengan fasal yang berikut:

Pindaan  
Perkara 122C.

18. Perkara 122C Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan".

10. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 20 dengan fasal yang berikut:

Pindaan  
Perkara 124.

20. Perkara 124 Perlembagaan Persekutuan  
adalah dipinda -

- (a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Eetua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan";
- (b) dengan menggantikan Fasal (2) dengan Fasal yang berikut:

"(2) Hakim Hahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Hahkamah Tinggi, selain daripada Ketua Hakim Negara Hahkamah Persekutuan. sebelum menjalankan fungsi-fungsi seorang hakim hendaklah mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan dan taat setia yang dinyatakan dalam Jadual keenam berhubungan dengan kewajipan-kewajipan kehakimannya dalam apa-apa jua jawatan.";

(c) dalam Fasal (3), dengan memotong perkataan "Agung", melainkan jika orang itu mengangkat sumpah itu mengikut Fasal (4) sebagai hakim Mahkamah Agung";

(d) dalam Fasal (4), dengan menggantikan perkataan "Agung" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(e) dalam Fasal (5), dengan memasukkan selepas perkataan "hakim" perkataan "Mahkamah Rayuan atau".'. .

11. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 21 dengan fasal yang berikut:

'Pindaan  
Perkara 125.

21. Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda -

(a) dalam Fasal (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";

(b) dalam Fasal (3) -

(i) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "berperangai buruk atau" dengan perkataan "apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3A) atau atas alasan";

(c) dengan memasukkan selepas Fasal (3) Fasal yang berikut:

" (3A) Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi, boleh, selepas berunding dengan Perdana Menteri, menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang hendaklah dipatuhi oleh tiap-tiap hakim MahkamahPersekutuan.";

(d) dalam Fasal (4) -

(i) dengan menggantikan perkataan "Mahkamah Agung" dengan perkataan "Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden";

(e) dalam Fasal (5), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";

(f) dalam Fasal (6), (6A), (7) dan (8) dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan";

(g) dengan menggantikan Fasal (9) dengan Fasal yang berikut:

"(9) Perkara ini hendaklah .

terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Rayuan dan bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana ia terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan. kecuali bahawa sebelum menggantung jawatan seseorang hakim Mahkamah Rayuan atau hakim Mahkamah Tinggi selain daripada Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi di bawah Fasal (5), Yang di-Pertuan Agong hendaklah berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim Besar Mahkamah Tinggi itu dan bukannya Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan."; dan

- (h) dengan memasukkan selepas Fasal (9) Fasal yang berikut:

"(10) Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi hendaklah bertanggungjawab kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan."

12. Fasal 22 Rang Undang-Undang adalah dipinda dalam perenggan (b)(i) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".

13. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 27 dengan fasal yang berikut:

Pindaan  
Perkara 131A.

27. Perkara 131A Perlembagaan Persekutuan adalah dipinda -

(a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan "Ketua Hakim Negara" perkataan ", Presiden";

(b) dalam Fasal (1) -

(i) dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Hahkamah Agung" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara Hahkamah Persekutuan atau Presiden Mahkamah Rayuan atau Hakim BesarMahkamahTinggi";dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "lain" dan "Agung" masing-

masingnya dengan perkataan  
"seorang" dan "Persekutuan";  
dan

(c) dalam Fasal (2) -

(i) dengan memasukkan selepas  
perkataan "fungsi-fungsi" pada  
kali pertama ia terdapat  
perkataan "Presiden Mahkamah  
Rayuan atau";

(ii) dengan menggantikan perkataan  
"mahkamah itu" dengan perkataan  
"mahkamahRayuanatauMahkamah  
Tinggi, mengikut mana-mana yang  
berkenaan"; dan

(iii) dengan aenggantikan perkataan  
"Agung" dengan perkataan  
"Persekutuan".

14. Fasal 30 Rang Undang-Undang adalah dipinda dalam perenggan (a) dengan  
menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".

15. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 42 dengan fasal yang berikut:

'Pindaan  
Perkara 182.

42. Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan  
adalah dipinda -

(a) dalam Fasal (1), dengan menggantikan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung" dan "Agung" masing-masingnya dengan perkataan "Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan" dan "Persekutuan";  
dan

(b) dalam Fasal (4) dan (5), dengan menggantikan perkataan "Agung" dengan perkataan "Persekutuan".

16. Fasal 43 Rang Undang-Undang adalah dipinda dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan "Hakim Besar" dengan perkataan "Ketua Hakim Negara".

17. Fasal 44 Rang Undang-Undang adalah dipinda -

(a) dengan memasukkan perkataan "dan" selepas koma bernoktah di akhir perenggan (a);

(b) dengan menggantikan perkataan "; dan" di akhir perenggan (b) dengan noktah ; dan

(c) dengan memotong perenggan (c).

18. Rang Undang-Undang adalah dipinda dengan menggantikan fasal 46 dengan fasal yang berikut:

"Sebutan am. 46. Apabila Akta ini mula berkuatkuasa, segala sebutan dalam dan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain mengenai -

(a) Mahkamah Agung hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Persekutuan;

(b) Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan; dan

(c) Mahkamah Tinggi di Borneo hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak."

## HURAIAN

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk menukar sebutan mengenai Hakim Besar Mahkamah Persekutuan dan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi masing-masingnya dengan sebutan mengenai Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi.

Jabatan Peguam Negara  
MALAYSIA.

6 Mei 1994.